

BAB I

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN :

Komunikasi adalah suatu perkara yang amat penting dalam kehidupan manusia. Semenjak daripada peringkat awal kehadiran manusia di muka bumi ini, mereka perlukan kepada suatu sistem yang mengatur perhubungan antara sesama mereka. Berdasarkan kajian sarjana Barat, manusia berkomunikasi dengan menggunakan bahasa isyarat dan juga melalui lukisan yang dilukis di dinding gua, pada peringkat awalnya. Kemudian, komunikasi manusia berkembang pesat selaras dengan perkembangan kehidupan mereka.

Sarjana-sarjana Barat menekankan perbincangan tentang komunikasi dalam ruang lingkup yang terhad iaitu dengan pemfokusan terhadap perhubungan antara sesama manusia. Menurut J.R. Diekman (1979), komunikasi adalah merujuk kepada penghantaran dan penerimaan mesej (maklumat) sama ada secara lisan (*verbal*) atau pun bukan lisan (*non verbal*).

Islam, berdasarkan dua sumber utamanya iaitu al-Quran dan al-Sunnah, telah menyediakan satu sistem komunikasi yang unik dan menyeluruh. Islam telah menyediakan konsep komunikasi dengan prinsip-prinsipnya yang tersendiri. Islam juga telah mengatur komunikasi antara sesama manusia dengan adab-adabnya yang tertentu. Malah, ia turut mengatur bentuk komunikasi dengan alam sama ada alam

fizikal mahupun alam spiritual. Lebih penting daripada itu, Islam juga menyediakan prinsip-prinsip komunikasi antara manusia dengan Allah yang merupakan Tuhan dan Khaliqnya. Ini menjadikan komunikasi dalam Islam lebih lengkap dan menyeluruh.

Bertolak daripada hakikat tersebut, komunikasi ternyata memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam pembinaan sesebuah peradaban, termasuklah Peradaban Islam. Komunikasi juga mempunyai peranan yang penting dalam membentuk ketahanan dan keutuhan peradaban tersebut.

Dalam Bab pertama ini, penulis akan menyentuh tentang permasalahan bagi topik yang dikaji, kajian terdahulu, objektif kajian, skop yang dilitupi oleh kajian, metodologi yang digunakan dalam kajian, sistematika kajian dan juga signifikan kajian.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN :

Perspektif komunikasi Barat, menurut Imtiaz Hasnain (1988), yang bersifat positivistik dan fungsional serta berorientasikan individu tidak membincangkan komunikasi sebagai perlakuan proses sosial dan oleh itu, tidak mengambil kira keseluruhan struktur serta fungsi sosiobudaya, yang amat penting untuk merangsangkan sebarang perubahan sosial. Memandangkan tidak terdapat sebarang persepsi tentang realiti sosial yang sepatutnya wujud bagi melahirkan suatu bentuk kesedaran dan rangsangan untuk tindakan sosial, perspektif fungsionalis ini turut mengeneipkan konsep penyelidikan penyertaan yang telah pun mula digunakan, khususnya di kalangan para sarjana komunikasi Eropah.

Selaras dengan kenyataan tersebut, kajian ini ingin melihat beberapa permasalahan yang berkaitan dengan isu komunikasi semasa, antaranya:

1. Keperluan kepada satu penjelasan yang lebih umum dan meluas tentang konsep komunikasi daripada perspektif Islam, yang merupakan sebahagian daripada perspektif-perspektif alternatif selain daripada perspektif Barat.
2. Penyesuaian yang mungkin dapat dilihat antara konsep komunikasi Islam dengan konsep serta model komunikasi yang dikemukakan oleh para sarjana komunikasi Barat.
3. Peranan konsep komunikasi Islam dalam penjanaan dan pembentukan Peradaban Islam yang terus kekal sehingga dewasa ini.

1.2 KAJIAN TERDAHULU :

Terdapat banyak hasil tulisan yang telah diterbitkan berhubung dengan komunikasi dalam Islam dan pembinaan serta perkembangan Peradaban Islam, tetapi semuanya dibincangkan dalam buku-buku yang berasingan.

Komunikasi dalam perspektif Islam masih kurang dikaji dan penulisan mengenainya masih kurang. Hal ini memerlukan anjakan ataupun perubahan kerana dunia komunikasi perlu diseimbangkan, daripada terus didominasi oleh kesarjanaan Barat. Dalam buku **Teori Komunikasi Perspektif Asia** yang disunting

oleh **Wimal Dissanayake** (1988), beliau menyeru kepada penggunaan Pendekatan Asia dalam komunikasi. Beliau juga meminta para sarjana komunikasi Asia supaya mengalihkan pandangan ke arah pendekatan penglibatan dan falsafah bagi mengimbangi kekakuan perspektif positivistik dalam perbincangan komunikasi di kalangan sarjana Barat.

Dalam buku yang sama, **Imtiaz Hasnain** (1988) cuba menerangkan perspektif Islam dalam komunikasi melalui tulisannya yang bertajuk **Komunikasi : Suatu Pendekatan Islam**. Tulisan tersebut membincangkan mengenai keperluan kepada pembentukan suatu perspektif Islam dalam perbincangan komunikasi dewasa ini. Ia sebagai pengimbang kepada perspektif Barat yang bersifat positivistik, fungsional dan berorientasikan individu. Beliau juga memaparkan tentang kajian sosiobudaya Ibn Khaldun dalam *al-Muqaddimah* sebagai pencetus beberapa aliran pemikiran yang penting berhubung dengan prinsip serta asal usul komunikasi, dan yang paling menonjol ialah hubungan antara bahasa, kebudayaan dan kognisi manusia.

Majid Tehranian (1988), dalam buku yang sama, telah menulis sebuah artikel bertajuk **Teori Komunikasi Dan Perspektif Islam**. Beliau menerangkan bahawa komunikasi dalam Islam yang berteraskan kaedah normatif, kualitatif, pensejarahan dan intepratif dalam teori serta penyelidikan komunikasi, telah dan masih dianggap tidak saintifik. Teori komunikasi Islam sebenarnya adalah bersifat normatif dan empiris dalam orientasinya. Teori tersebut menangani masalah “sepatutnya”, dan bukannya realiti objektif. Beliau seterusnya membincangkan pandangan dunia Islam yang tidak jauh berbeza dengan pandangan Yahudi-Kristian, syariah, ulama dan

masjid sebagai institusi komunikasi Islam serta amalan komunikasi Islam dalam konteks negara Iran.

Buku bertajuk **Komunikasi Islam Dari Zaman Ke Zaman** yang ditulis oleh **R. Agus Toha Kuswata** (1990) banyak menyentuh mengenai pengertian komunikasi, keperluan kepada komunikasi Islam dan tujuannya, faktor-faktor yang membentuk komunikasi Islam, metod dan seni komunikasi, serta komunikasi pada zaman Rasulullah SAW. Selain itu, buku tersebut turut menerangkan tentang diskusi sebagai salah satu metod dalam berkomunikasi, hubungan antara komunikasi Islam dengan ilmu pers (persuratkhabaran), dasar-dasar komunikasi Islam dan keperluan kepada organisasi Islam.

Toto Tasmara (1987) dalam bukunya **Komunikasi Dakwah** memaparkan tentang komunikasi dalam perbincangan semasa, yang kemudiannya cuba disesuaikan sedikit sebanyak dengan komunikasi dalam Islam. Buku tersebut turut menyentuh tentang komunikasi dakwah dari sudut pengertiannya, unsur-unsurnya dan faktor-faktor pembentukan integrasi sosial. Seterusnya, beliau menerangkan tentang hubungan antara komunikasi dengan kepimpinan dan propaganda serta retorik dalam ilmu komunikasi.

Manakala **Fauziah Mohamad** (1996) pula, dalam bukunya **Konsep Tutar Bicara Dalam Islam** telah menerangkan tentang kepentingan berbicara dalam kehidupan dan pandangan Islam terhadap galakan serta peraturan tutur bicara. Beliau selanjutnya menyentuh tentang kepincangan dalam tutur bicara serta prinsip dan adab dalam tutur bicara yang digariskan oleh Islam, sama ada dari sudut rohani mahupun

fizikal. Selain itu, cara-cara Rasulullah SAW berbicara juga turut dipaparkan. Pada peringkat akhir buku tersebut, turut dibincangkan mengenai berbicara seperti yang dianjurkan oleh Islam sebagai langkah praktikal dalam kehidupan bermasyarakat.

Buku yang bertajuk **Budi Bahasa Dalam Tamadun Islam** oleh **Mustafa Haji Daud** (1995) menekankan konsep budi bahasa dalam masyarakat Melayu dan dari sudut pandangan Islam. Buku tersebut juga menerangkan tentang kelahiran budi bahasa menurut Islam, dan sumber, asas serta ciri budi bahasa Islam. Kaitan antara budi bahasa dan hati telah diperjelaskan melalui akhlak dan sifat-sifat hati yang baik. Seterusnya, persoalan-persoalan seperti medan budi, bahasa sebagai budi dan bahasa sebagai tanda rosaknya budi turut dikupas dengan jelas oleh penulis.

Ramai penulis telah menerbitkan buku di bawah tajuk **Tamadun Islam**. Antaranya ialah Mahyuddin Hj. Yahaya, Mustafa Haji Daud dan Abdul Rahman Nawas, Nawawee Mohammad, Omardin Ashaari serta Arip Saaya. Setiap buku tersebut menerangkan tentang tamadun Islam dari pelbagai sudut, bermula daripada konsep manusia sehinggalah kepada perkembangan serta keutuhan peradabannya.

Mahyuddin Hj. Yahaya (1998) dalam bukunya telah menyentuh tentang pembentukan serta perkembangan tamadun Islam, bermula daripada manusia dan masyarakat, pemerintahan dan pentadbiran negara, ketahanan dan pertahanan, sistem ekonomi, pendidikan, intelektual, penerokaan dan penjajahan, serta kebudayaan dan kesenian.

Manakala **Mustafa Haji Daud** (1999) pula lebih menekankan perkara-perkara seperti konsep tamadun Islam, peradaban manusia, akhlak, pengurusan harta, politik dan pentadbiran, pencapaian dan kesan tamadun Islam terhadap manusia, tokoh-tokoh dalam tamadun Islam, serta pengaruh tamadun Islam terhadap pertumbuhan sains moden di Eropah.

Abdul Rahman Nawas, Nawawee Mohammad, Omardin Ashaari serta **Arip Saaya** (1995) pula dalam buku mereka memaparkan tamadun Islam dari sudut pengertiannya, manusia dan masyarakat, amalan kejiwaan, akhlak, ekonomi, ilmu pengetahuan, seni dan keindahan, politik, serta kebahagiaan, kejayaan dan keadilan dalam Islam.

Walaupun terdapat banyak penulisan berkaitan dengan tajuk disertasi ini tetapi ia ditulis dalam tajuk-tajuk yang berasingan. Penulis-penulis tersebut hanya menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja. Oleh itu, penulis merasakan satu keperluan untuk dibuat penelitian dan penekanan ke atas aspek komunikasi dalam perspektif Islam. Ini kerana sistem komunikasi yang berpandukan wahyu tersebut memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan serta penjanaan Peradaban Islam.

Setelah beberapa kajian dan penelitian dibuat, maka tercetuslah idea untuk menulis disertasi bertajuk “**Konsep Komunikasi Dan Peranannya Dalam Pembinaan Peradaban Islam**”, kerana jika diimbaz kembali kepada tajuk-tajuk sebelum ini, tidak ada seorang pun penulis yang menghasilkan buku khusus dalam membincangkan tajuk tersebut.

Dengan penulisan ini, semoga ia lebih menyedarkan diri kita tentang betapa pentingnya komunikasi daripada perspektif Islam bagi mengimbangi perbincangan komunikasi yang didominasi oleh kesarjanaan Barat. Islam, dengan pelbagai dasar, akhlak, prinsip dan adab ketika berkomunikasi telah menyediakan suatu sistem komunikasi yang baik, selaras dengan tuntunan fitrah manusia dalam rangka menyempurnakan proses hubungan antara sesama manusia (*habl min al-nas*).

1.3 OBJEKTIF KAJIAN :

Melalui kajian yang ringkas dan bersifat umum ini, penulis berharap agar dapat memberikan sedikit sumbangan dalam perbincangan berhubung dengan bidang komunikasi. Kajian ini juga diharapkan akan dapat memberikan kefahaman yang lebih jelas mengenai konsep dan prinsip komunikasi Islam, yang ternyata agak berbeza dengan prinsip serta sistem komunikasi semasa.

Islam adalah agama dan sistem kehidupan yang fleksibel. Justeru, kajian ini cuba menunjukkan bahawa sistem komunikasi seperti yang dibincangkan oleh para sarjana Barat adalah boleh disesuaikan dengan sistem komunikasi Islam, selagi mana tidak bertentangan dengan syarak.

Kajian ini juga cuba membuktikan bahawa komunikasi telah wujud dalam Islam jauh lebih awal daripada komunikasi yang diperbincangkan pada hari ini. Di samping itu, kajian ini turut cuba membuktikan bahawa komunikasi dalam Islam adalah lebih luas skop perbincangannya meliputi persoalan spiritual, metafizikal, akhlak, adab dan sebagainya.

Keberkesanan komunikasi dalam Islam tidak hanya diukur dengan sejauh mana mesej yang ingin disampaikan mampu diterima, sebaliknya ia akan dapat melahirkan personaliti Muslim yang terpelihara akhlak dan moralnya. Ini kerana peribadi Muslim sejati memainkan peranan penting dalam penyampaian mesej atau maklumat, yang seterusnya membawa kepada pembentukan, perkembangan dan pengukuhan Peradaban Islam.

1.4 SKOP KAJIAN :

Komunikasi, secara umumnya, adalah suatu proses penyampaian sesuatu mesej daripada sumber atau penyampai, kepada penerima melalui saluran tertentu dan dengan tujuan tertentu. Maksud ini dapat dilihat dengan jelas melalui model-model komunikasi yang diperkenalkan oleh para sarjana Barat seperti Lasswell, Shannon, Weaver, Schramm dan lain-lain.

Dalam ajaran Islam, komunikasi adalah bersifat tiga dimensi iaitu manusia, alam dan Allah. Komunikasi sebenarnya berlangsung tidak hanya antara sekadar sesama manusia sahaja, malah turut melibatkan Allah dan juga alam. Allah berkomunikasi dengan makhluk-makhlukNya, melalui medium-medium tertentu seperti al-Quran dan sebagainya. Manusia, alam dan Allah saling berinteraksi serta berkomunikasi.

Kesalingan komunikasi wujud antara ketiga-tiga entiti tersebut. Hakikat ini dapat dilihat melalui konsep *habl min Allah* dan *habl min al-nas*. Komunikasi antara sesama manusia (*habl min al-nas*) adalah tidak terlepas daripada komunikasi serta

interaksi manusia dengan Allah (*habl min Allah*). Tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini menjadikan manusia sentiasa berinteraksi dan berkomunikasi dengan alam. Justeru, kehidupan manusia seharian tidak dapat mengelak daripada terlibat dengan komunikasi tiga dimensi tersebut.

Kajian ini akan dilakukan dalam ruang lingkup yang terhad iaitu hanya berkisar sekitar konsep dan prinsip asas komunikasi dalam Islam dengan bersandarkan kepada al-Quran, al-Sunnah serta pandangan tokoh-tokoh berhubung dengan komunikasi antara sesama manusia.

Komunikasi dalam kajian ini lebih berbentuk perbincangan mengenai persoalan hubungan serta interaksi yang sepatutnya berlangsung antara sesama manusia, yang secara tidak langsung turut menyangkut persoalan ketuhanan dan alam. Segalanya akan dibincangkan dalam bentuk konsep dan prinsip umum sahaja.

Ini bermakna kajian ini tidak akan menyentuh secara khusus mengenai teori-teori dan model-model komunikasi semasa seperti yang dibincangkan secara meluas pada hari ini. Sebaliknya kajian ini cuba melihat penyesuaian yang dapat dilakukan antara pandangan para sarjana komunikasi Barat dengan pandangan Islam.

Pandangan Islam berhubung dengan persoalan komunikasi akan cuba dikemukakan dalam kerangka pandangan Barat, mengikut kesesuaian. Dalam kata lain, pandangan Barat dikemukakan hanya sekadar sebagai kaedah ataupun alat untuk menjelaskan pandangan Islam. Namun begitu, pandangan Barat digunakan secara selektif, berdasarkan kesesuaian dan keperluannya menurut pandangan Islam.

Islam tidak menafikan sumbangan para sarjana yang membincangkan persoalan komunikasi secara saintifik. Teori-teori komunikasi yang dikemukakan oleh para sarjana, khususnya dari Barat, merupakan sebahagian daripada pembuktian yang dilakukan dalam bidang komunikasi. Islam tidak menolak pembuktian-pembuktian tersebut kerana Islam juga adalah agama yang tidak menolak hujah-hujah saintifik selagi mana ia tidak bertentangan dengan *nusus*. Malah, perbincangan-perbincangan tersebut hanyalah merupakan sebahagian daripada persoalan komunikasi yang sebenarnya lebih luas dalam Islam.

Di samping itu, kajian ini juga akan melihat sejauh manakah prinsip-prinsip komunikasi tersebut memainkan peranan dalam melahirkan sebuah Peradaban Islam yang unggul. Prinsip-prinsip komunikasi dalam Islam tersebut jika diamalkan sepenuhnya akan dapat melahirkan peribadi Muslim yang utuh dalam menegakkan Peradaban Islam, khususnya pada peringkat awal kelahiran serta perkembangannya iaitu pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabatnya. Atas dasar yang sama juga, Peradaban Islam terus utuh bertahan tanpa sempadan geografi sehingga dewasa ini.

1.5 METODOLOGI KAJIAN :

Kajian ini akan menggunakan beberapa kaedah dalam usaha pengumpulan data dan maklumat. Data dan maklumat yang digunakan lebih bersifat sekunder di mana kebanyakannya akan didapati melalui pembacaan. Penulis akan menggunakan beberapa kaedah yang secara umumnya dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:

1. Kajian Perpustakaan

Kajian ini lebih menekankan kaedah kajian perpustakaan. Data serta maklumat akan didapatkan melalui pelbagai bahan bacaan termasuklah buku-buku, jurnal-jurnal dan laporan-laporan penyelidikan sebagai sumber utama serta kertas-kertas kerja yang telah dibentangkan, majalah-majalah, akhbar-akhbar dan apa jua bahan bacaan yang dirasakan relevan dengan ruang lingkup kajian ini sebagai sumber rujukan sampingan. Rujukan akan dilakukan di perpustakaan-perpustakaan UKM, UM, UPM, Pusat Islam dan Perpustakaan Negara.

2. Analisis Penulis:

Penulis akan membuat analisis dan ulasan di samping mengemukakan pendapat sendiri berhubung dengan bahan kajian, sekiranya dirasakan perlu kepada analisis, ulasan dan pendapat penulis.

1.6 SISTEMATIKA KAJIAN :

Disertasi ini merupakan satu usaha yang dijalankan bagi melihat konsep dan prinsip komunikasi dalam perspektif Islam. Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna telah menggariskan panduan komunikasi bagi penganut-penganutnya. Akhlak dan etika berkomunikasi telah diaturkan dalam Islam dengan meliputi aspek-aspek rohaniyyah, di samping aspek-aspek lahiriyah. Panduan komunikasi yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah tersebut mampu melahirkan masyarakat harmoni lantaran hak setiap individu adalah terpelihara dengan baik.

Sebagai pengenalan, dalam **Bab Pertama** penulis menjelaskan secara ringkas rangka kerja dan pembentukan kajian. Ia meliputi unsur-unsur asas kajian dalam disertasi ini iaitu permasalahan yang dikaji, objektif kajian, skop dan ruang lingkup yang diliputi oleh kajian, metodologi yang digunakan dalam kajian, sistematika serta aturan kajian, dan signifikan kajian.

Bab Kedua disertasi ini memberikan penjelasan mengenai konsep komunikasi dari perspektif Islam. Konsep komunikasi Islam ini dilihat daripada sudut pandangan yang agak berbeza daripada pandangan dalam perbincangan komunikasi konvensional semasa. Konsep komunikasi Islam adalah satu keperluan bagi mengimbangi dominasi komunikasi yang dipelopori oleh dunia sains Barat. Oleh kerana ianya berteraskan Islam, ternyata wujud jurang dan perbezaan antara kedua-dua perspektif tersebut. Namun, dalam Bab Dua ini perbincangan lebih tertumpu kepada konsep komunikasi Islam, selaras dengan kedudukannya sebagai fokus perbincangan dalam disertasi ini.

Bab Ketiga disertasi ini pula membincangkan mengenai komunikasi antara manusia, secara khusus, dalam konsep komunikasi Islam. Penekanan diberikan terhadap aspek etika dalam berkomunikasi, sama ada dari sudut rohani (spiritual) ataupun jasmani. Etika dan akhlak yang digariskan oleh Islam telah memberikan pandangan yang berbeza dalam perbincangan komunikasi semasa.

Bab Keempat disertasi ini menyentuh mengenai komunikasi dan dakwah. Dakwah adalah salah satu bentuk komunikasi yang menjadi tanggungjawab setiap Muslim mukallaf. Perbincangan dalam bab ini turut memperkatakan tentang penyesuaian yang dapat dibuat antara model komunikasi Barat, seperti yang

disarankan oleh H. Lasswell (1948), dengan unsur-unsur komunikasi dakwah. Metod dan mesej dakwah juga turut dibincangkan secara umum dalam bab ini.

Bab Kelima disertasi ini menjelaskan tentang peranan komunikasi dakwah dalam pembinaan masyarakat dan Peradaban Islam. Komunikasi dakwah dalam hubungannya dengan kepimpinan dan integrasi ummah menjadi fokus perbincangan dalam bab ini. Selain itu, diskusi atau musyawarah yang merupakan antara metod berkomunikasi dan menjadi salah satu keperluan dalam melahirkan integrasi ummah juga turut dibincangkan.

Sebagai penutup dan kesimpulan, **Bab Keenam** disertasi ini mengimbu tentang konsep komunikasi dalam perspektif Islam yang mempunyai ciri dan prinsipnya yang tersendiri. Keunggulan konsep komunikasi Islam tersebut berjaya telah membentuk satu sistem bagi melahirkan individu Muslim yang mampu membentuk masyarakat madani, seterusnya membina Peradaban Islam yang utuh.

1.7 SIGNIFIKAN KAJIAN :

Secara umumnya, bidang komunikasi semasa tidak banyak menyentuh atau memberikan perhatian sewajarnya kepada konsep dan prinsip komunikasi dalam Islam. Tumpuan lebih diberikan kepada komunikasi seperti yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana Barat. Justeru, terasa wujudnya ruang yang ditinggalkan untuk perbincangan dalam dunia komunikasi. Lantaran itu, penulis cuba untuk mengisi sebahagian daripada ruangan tersebut melalui kajian yang bertujuan untuk melihat konsep dan prinsip komunikasi dalam Islam ini secara umum.

Ini adalah bersesuaian dengan apa yang dicadangkan oleh Wimal Dissanayake (1988). Sambil mengkritik model Barat yang terus mendominasi Barat dan Timur, beliau mencadangkan bahawa keperluan masa kini ialah untuk menghapuskan pengaruh model mekanistik Aritotle. Beliau turut meminta para sarjana dari Asia mengalihkan pandangan ke arah pendekatan penglibatan dan falsafah seperti fenomenologi, yang tidak menerima pembahagian kaku antara perkara yang dapat dilihat secara zahir dengan perkara yang dilihat pada realiti, dan yang menekankan imaginasi, gerak hati serta nilai.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menyingkap konsep serta prinsip komunikasi dalam Islam yang disandarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah, di samping sumber-sumber Islam yang lain.

Kajian ini dirasakan amat penting memandangkan persoalan tentang konsep dan prinsip komunikasi dalam Islam kurang diperkatakan. Penulis merasakan bahawa amat perlu dan amat wajar untuk dibincangkan persoalan tersebut daripada perspektif Islam. Ini akan memberikan kefahaman yang lebih baik kepada masyarakat Islam dan bukan Islam tentang konsep serta prinsip komunikasi yang wujud dalam ajaran Islam.

Diharapkan kajian ini akan dapat memberikan sedikit sumbangan kepada para pengkaji bidang komunikasi, terutamanya dalam persoalan berkaitan dengan konsep komunikasi dalam Islam dan peranannya dalam pembinaan Peradaban Islam. Tidak dapat dinafikan kepentingan komunikasi Islam dengan konsep dan prinsipnya yang tersendiri, telah menjadi salah satu asas utama ke arah pembentukan sebuah Peradaban Islam yang terus kekal wujud sehingga ke saat ini.

1.8 KESIMPULAN :

Melalui kajian dalam disertasi ini, penulis berharap agar dapat menghuraikan sedikit sebanyak konsep serta prinsip komunikasi yang telah diatitkan oleh Islam. Konsep komunikasi Islam adalah satu keperluan dalam dunia ilmiah hari ini yang terlalu didominasi perbincangannya oleh para sarjana Barat, yang sudah tentu membawa bersama pemikiran sekular dalam perbincangan serta kajian mereka.

Komunikasi dalam Islam adalah bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah, iaitu dua sumber primer yang menjadi pegangan umat Islam. Komunikasi Islam tidak terlalu menekankan persoalan fizikal. Ini kerana, apa yang diketahui secara fizikal seperti mana yang dibuktikan oleh sains Barat, adalah perlu seiring dengan tuntutan spiritual.

Malah, fizikal yang empirikal dan rasional ini adalah sebahagian daripada manifestasi hakikat kerohanian yang berpandukan wahyu Ilahi. Justeru, Islam memberikan keutamaan terhadap persoalan kerohanian ini melebihi pelaksanaan dari sudut fizikal.

Sebagai suatu produk hasil daripada gabungan unsur spiritual dan fizikal, maka lahirlah komunikasi Islam yang mampu membentuk peribadi Muslim. Seterusnya, membentuk sebuah Peradaban Islam yang harmoni dan utuh sepanjang zaman.